

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	05 DECEMBER 2016

# Musuh boleh jadi kawan: Guan Eng

BH  
-5/12/2016

**Shah Alam:** Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng yang mengalu-alukan kehadiran kali pertama Tun Dr Mahathir Mohamad ke konvensyen kebangsaan parti itu di sini semalam, berkata tiada musuh yang kekal dalam politik.

Kehadiran Dr Mahathir disambut dengan tepukan gemuruh perwakilan DAP.

#### **Sindir Dr Mahathir**

Guan Eng yang juga Ketua Menteri Pulau Pinang ketika berucap turut menyindir Dr Mahathir yang duduk sebaris dengannya.

Katanya, musuh dan kawan tidak akan kekal kerana musuh juga



Kita sudah berjuang menentang begitu banyak musuh. Ada musuh yang memenjarakan kita tetapi kini menjadi sekutu”

**Lim Guan Eng,**  
Setiausaha Agung DAP

boleh dijadikan kawan yang merujuk kepada Dr Mahathir.

“Kita sudah berjuang menentang begitu banyak musuh. Ada musuh yang memenjarakan kita tetapi kini menjadi sekutu.

“Buat kali pertama dalam sejarah parti, Tun Mahathir datang ke persidangan DAP,” katanya.

Guan Eng berkata, kehadiran Dr Mahathir pada persidangan itu dan menyatukan mereka adalah disebabkan satu prinsip sama iaitu mahu menyelamatkan Malaysia.

“Disebabkan prinsip inilah kita alu-alukan kehadiran Tun M,” katanya.